

04

Kajian Pengajaran: Penggunaan iPad dan E-buku bagi Meningkatkan Minat Membaca Murid

Nuraishah Mahmood

nuraishah_mahmood@moe.edu.sg

Helmeleya Mohd Jamil


helmeleya_a@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Huamin

Abstrak

Murid yang rajin membaca akan dapat meluaskan kosa kata dan sekaligus meningkatkan pengetahuan am. Hal ini akan membantu mereka membina pemahaman yang lebih baik mengenai kejadian di sekeliling mereka. Kajian Pengajaran ini telah dijalankan untuk menyemai tabiat membaca yang baik dalam kalangan murid Darjah 2. Berdasarkan tinjauan awal yang dijalankan, guru mendapati bahawa murid kurang minat membaca kerana mereka beranggapan membaca itu membosankan. Walaupun program bacaan luas dijalankan sepanjang tahun, masih terdapat murid yang hanya membaca apabila diarahkan. Untuk meningkatkan minat mereka dalam membaca, guru memanfaatkan peranti iPad dan aplikasi Cerita Rakyat Nusantara untuk memberikan pengalaman membaca yang berbeza kepada murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha ini dapat meningkatkan minat dan keseronokan membaca dalam kalangan murid. Jumlah buku yang dibaca dan dipinjam oleh murid didapati meningkat. Kesan yang positif ini jelas menegaskan bahawa penggunaan ICT sebagai sistem sokongan dalam pembelajaran dapat meningkatkan minat murid untuk membaca.

Kata Kunci: kemahiran membaca, e-buku, aplikasi, Cerita Rakyat Nusantara



PENGENALAN

Membaca merupakan satu kegiatan yang mudah untuk dilakukan oleh orang yang celik huruf tetapi sukar untuk dijadikan kebiasaan. Tidak dapat dinafikan bahawa tabiat membaca dapat membantu memperkaya pengetahuan. Seseorang pembaca dapat mengasah kecerdasannya kerana membaca membantu otak berfikir dengan aktif. Ini dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan meningkatkan kosa kata.


Namun, murid kini semakin kurang membaca. Mereka lebih cenderung membaca bahan-bahan dari laman Internet kerana bahan-bahan tersebut lebih menarik dan interaktif. Guru menyedari kecenderungan murid dan berusaha untuk menggabungkan pembacaan dan penggunaan teknologi bagi menarik minat murid untuk membaca dengan meluas. Menurut Larson (2010), program membaca harus menyediakan pelbagai bahan bacaan seperti buku bercetak dan digital serta e-buku.

Berdasarkan keperluan kemahiran celik huruf yang baharu, murid mesti didedahkan kepada teks dan bahan bacaan bergambar dalam halaman buku (Larson, 2010). Menurut Mallor, Marinak dan Gambrell (2010), ada beberapa tugas bacaan khusus yang harus digunakan bagi menggalakkan murid untuk membaca dan menjadi pembaca yang baik. Ini termasuklah membenarkan murid memilih pelbagai bahan bacaan dan menggunakan strategi yang melengkapkan kegiatan membaca.

PERNYATAAN MASALAH

Murid yang membaca secara meluas dijangka dapat memperkaya penguasaan kosa kata. Murid juga akan meraih pengetahuan sedia ada yang lebih meluas dan ini menjadikan mereka lebih peka terhadap situasi di sekeliling mereka. Namun, berdasarkan tinjauan yang dijalankan ke atas murid-murid Darjah 2, ia menunjukkan bahawa kebanyakan mereka lebih berminat membaca komik dan bahan bacaan di laman siber. Ada juga yang tidak suka membaca kerana mereka berasa aktiviti membaca itu amat membosankan kerana bahan-bahan bacaan mengandungi teks yang panjang dan ilustrasi yang kurang menarik.

Walaupun program bacaan luas dijalankan di sekolah sepanjang tahun, murid hanya akan membaca apabila disuruh guru. Jika masalah ini berlarutan,



murid tidak akan terdedah langsung kepada bahan bacaan tambahan dan mereka akan membaca buku tanpa pemahaman dan penghayatan. Oleh itu, guru ingin menarik minat murid untuk membaca dengan memanfaatkan penggunaan aplikasi e-buku terbitan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS).

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanan penggunaan e-buku dalam meningkatkan minat murid untuk membaca; dan
2. meningkatkan minat murid membaca menerusi penggunaan e-buku.

KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian lepas yang menggunakan e-buku sebagai bahan kajian telah ditinjau sebelum kajian ini dijalankan. Antaranya, kajian pengajaran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Bendemeer. Kajian mereka dijalankan dengan tujuan untuk meneliti tahap penguasaan kemahiran membaca murid Darjah 3 melalui penggunaan perisian e-buku. Mohamad Ali (2013), guru pengkaji dari sekolah tersebut, menyatakan bahawa para guru harus mengeksploitasi sumber yang ada termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekiranya hendak menarik minat dan memupuk sikap membaca dalam kalangan murid. Pernyataan beliau disetujui oleh guru-guru yang terlibat dalam kajian ini kerana e-buku mempunyai daya tarikan yang tinggi. Tambahan pula, murid-murid telah pun terdedah pada bahan dan peralatan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka.

Kajian yang dijalankan di Sekolah Rendah Pei Tong (2012) pula telah menggunakan Portal 10'M Aksara bagi mengendalikan program bacaan luas. Fitur-fitur yang terdapat dalam Portal 10'M Aksara serupa dengan fitur-fitur yang terdapat dalam aplikasi e-buku Cerita Rakyat Nusantara. Contohnya, bahan pengajaran tersebut membolehkan murid-murid mencontohi pembacaan pembaca dan juga merakam dan mendengar bacaan mereka sendiri. Fitur seperti ini menjadi daya tarikan kepada murid-murid untuk membaca. Kenyataan ini selaras dengan pernyataan Gandhi (2001) yang mengatakan bahawa penggunaan e-buku memberikan wadah baharu bagi menarik minat dan meningkatkan motivasi murid-murid untuk terus membaca.



Kajian-kajian terdahulu ini sedikit sebanyak telah membantu dalam pembentukan dan perancangan kajian ini. Selain itu, kemudahan murid untuk mendapatkan bahan bacaan juga diambil kira dalam kajian ini. Dewasa ini, e-buku mudah untuk dibawa ke mana-mana kerana saiz atau ukuran alat peranti teknologi itu kecil. Aplikasi e-buku Cerita Rakyat Nusantara boleh dimuat turun dengan menggunakan telefon bijak, peranti iPad dan sebagainya. Maka e-buku ini boleh dibaca di mana-mana dan pada bila-bila masa. Kewujudan alat ini tidak menghalang murid daripada terus membaca dan sekaligus dapat memupuk minat membaca mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan berbentuk kajian pengajaran. Kajian ini melibatkan pencerapan sekumpulan guru-guru ke atas proses PdP bagi pelajaran membaca dengan menggunakan e-buku sebagai bahan pembelajaran. Maklum balas yang diperoleh menerusi pemerhatian telah dikumpulkan dan dibincangkan selepas pelajaran berakhir. Perbincangan berfokus pada penambahbaikan kualiti pembelajaran murid. Data dari pas keluar juga memberi maklumat kepada guru tentang hasil pembelajaran murid.


Subjek Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada 28 orang murid Darjah 2 yang merupakan gabungan murid tahap cemerlang dan tahap sederhana. Mereka sudah boleh membaca. Mereka juga sudah didedahkan kepada penggunaan peranti iPad.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada borang maklum balas murid, borang tinjauan, peranti iPad, aplikasi e-buku Cerita Rakyat Nusantara terbitan MLCS dan borang pas keluar.

Borang tinjauan diberikan kepada murid untuk mengetahui dengan lanjut tentang pilihan murid dalam aspek membaca khususnya dari segi minat, tabiat membaca di sekolah dan rumah, jenis bahan bacaan yang disukai dan juga pendapat mereka mengenai program membaca yang dijalankan di sekolah. Hasil tinjauan dibincangkan agar pembelajaran dapat dikhususkan menepati keperluan murid.



Peranti iPad digunakan untuk memperkenalkan murid kepada penggunaan aplikasi e-buku Cerita Rakyat Nusantara. Aplikasi ini sudah pun dimuatnaikkan ke dalam peranti iPad dan murid tidak memerlukan kata laluan sebelum menggunakan aplikasi ini.

Pas keluar diberikan kepada murid di akhir pelajaran untuk melihat sejauh mana murid menghayati pengajaran yang diadakan.

Prosedur Kajian

Kajian pengajaran ini dijalankan sebanyak dua putaran supaya guru dapat menganalisis langkah-langkah yang perlu diperbaiki dalam pengajaran tersebut.


Strategi untuk proses PdP dibina dengan memasukkan penggunaan bahan ICT. Kajian pengajaran ini memanfaatkan e-buku yang dihasilkan oleh MLCS untuk meningkatkan minat murid membaca.

Guru-guru Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Huamin menghadiri perkongsian yang dijalankan oleh Guru Kanan Bahasa Melayu dalam pengajaran menggunakan e-buku yang dihasilkan oleh MLCS bagi membina kemahiran profesional guru dan anggota pasukan kajian pengajaran dalam mengajar murid menggunakan e-buku tersebut.

Guru juga mendedahkan murid kepada pelajaran menggunakan peranti iPad sebelum kajian pengajaran putaran pertama dijalankan bagi membina kecekapan murid dalam menggunakan peranti iPad semasa membaca. Setiap murid diberikan peranti iPad semasa pelajaran. Dengan cara ini, murid akan diberi peluang untuk mengamalkan pembelajaran sendiri, sejajar dengan tuntutan kemahiran abad ke-21.

Cerita Rakyat Nusantara ialah aplikasi e-buku yang menyediakan enam koleksi cerita rakyat di rantau ini. Objektif aplikasinya adalah untuk menggalakkan murid membaca dengan cara yang menyeronokkan. Setiap cerita mempunyai tiga bahagian:

1. Dengar cerita – Murid mendengar cerita yang dibaca oleh pencerita.
2. Membaca Bahagian 1 – Murid boleh merakam bacaan mereka dan mendengar bacaan yang telah direkodkan.
3. Membaca Bahagian 2 – Murid boleh membaca bersama dengan



pencerita.

Terdapat juga tiga aktiviti selepas membaca:


1. membaca pantun yang berkaitan dengan cerita-cerita yang telah dibaca.
2. bermain permainan kosa kata yang menguji perkataan yang telah dibaca dalam cerita.
3. menjawab soalan-soalan kefahaman yang berkaitan dengan cerita-cerita untuk memantau pemahaman murid tentang cerita-cerita yang telah dibaca oleh mereka.

Guru-guru berbincang dan bersetuju bahawa mereka perlu mempelbagaikan penggunaan aplikasi e-buku agar sesuai dengan profil dan keperluan murid. Aplikasi ini akan menjadi bahan untuk meningkatkan minat mereka dalam membaca buku cerita. Strategi pemodelan digunakan untuk memberi contoh kepada murid dengan jelas cara untuk membaca dengan baik. Murid yang mendapati membaca membosankan akan mendapat manfaat daripada aktiviti ini kerana pembacaan menggunakan e-buku merupakan satu proses yang dinamik dengan bunyi dan visual yang menarik. Pada akhir aktiviti membaca, guru akan memberi murid sedikit masa untuk meneroka aplikasi secara bebas agar murid akan lebih berminat membaca buku cerita lain.

Bagi kajian pengajaran putaran pertama, guru membuat pengenalan dengan menunjukkan murid urutan pelajaran. Guru kemudian bertanya murid sama ada mereka pernah membaca cerita tentang bangau. Guru juga memberikan penekanan kepada murid bahawa selain membaca buku cerita, mereka juga boleh membaca buku e-buku. Guru mengaitkan bangau dengan sebuah buku dalam talian yang bertajuk 'Bangau Yang Kurus'.

Sebagai induksi, guru memperkenalkan aplikasi Cerita Rakyat Nusantara kepada murid dan menerangkan fungsi-fungsinya. Murid digalakkan meneka cerita yang akan dibaca bersama berdasarkan gambar-gambar yang ditunjukkan kepada mereka.

Pada aktiviti yang kedua, guru menggunakan strategi modeling. Guru memainkan e-buku kepada murid manakala murid pula mendengar cerita yang dimainkan. Setelah itu, murid akan membaca bersama guru. Pada aktiviti yang ketiga, murid diberi masa untuk meneroka cerita-cerita lain yang terdapat dalam



aplikasi itu.

Sebagai penutup pelajaran, guru mengumpulkan maklum balas daripada murid tentang pelajaran membaca menggunakan e-buku. Soalan-soalan yang diajukan kepada murid:

1. Apakah perasaan anda selepas membaca e-buku?
2. Adakah anda akan membaca e-buku lagi? Mengapa?

Kemudian, guru mengesyorkan sumber e-buku lain seperti yang terdapat di laman Perpustakaan Negara (NLB) supaya mereka dapat membaca lebih banyak buku di rumah.


Bagi kajian pengajaran putaran kedua, guru mengatur susunan tempat duduk murid dalam bentuk lengkungan. Guru kemudian memulakan pelajaran dengan berkongsi pengalamannya terlihat seekor buaya ketika guru sedang berlari-lari anak di Kolam Air Lower Seletar. Selepas menceritakan pengalaman guru, murid-murid diajukan beberapa soalan mengenai buaya sambil menayangkan gambar-gambar buaya dalam slaid PowerPoint.

Bagi aktiviti kedua, guru membaca e-buku bersama-sama murid. Guru membacakan cerita itu dahulu sementara murid akan membaca setelah mendengar contoh bacaan daripada guru.

Bagi aktiviti ketiga, guru membahagikan topeng watak-watak Sang Kancil dan Buaya kepada murid dan mengarahkan mereka duduk dalam kumpulan Sang Kancil atau Buaya. Setiap kumpulan akan mengambil giliran untuk membaca cerita berdasarkan petunjuk yang diberikan oleh guru.

Bagi aktiviti yang keempat, setiap murid diberikan peranti iPad. Murid dikehendaki membaca cerita bersama pasangan atau anggota kumpulan masing-masing. Murid HP akan melakukan aktiviti secara berpasangan manakala murid MP melakukan aktiviti secara berkumpulan. Setiap kumpulan MP terdiri daripada empat orang murid.

Bagi murid dalam kumpulan HP, pasangan akan membaca buku secara bergilir-gilir. Murid MP pula akan membahagikan kumpulan mereka kepada dua pasangan dan setiap pasangan akan bergilir-gilir membaca buku tersebut. Murid



MP memerlukan lebih banyak sokongan dalam aktiviti ini.

Sebagai penutup, guru meminta murid untuk memilih buku cerita binatang sebelum mereka meninggalkan bilik darjah. Murid juga diberikan pas keluar di mana mereka perlu menyatakan perasaan dan pendapat terhadap pelajaran pada hari itu. Soalan-soalan di dalam pas keluar ialah:


1. Adakah kamu rasa pelajaran tadi menyeronokkan?
2. Adakah kamu akan membaca buku e-buku lagi? Mengapa?

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah kajian putaran pertama dijalankan, guru-guru dan guru pakar duduk berbincang untuk menganalisis pelajaran tersebut dari segi proses, reaksi murid dan juga hasil kerja murid. Data yang didapati berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif berdasarkan pemantauan guru manakala kuantitatif berdasarkan data yang terdapat daripada pas keluar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua putaran kajian pengajaran telah berjaya meningkatkan minat murid dalam membaca.

Para guru dan guru pakar membincangkan kekuatan pengajaran, pembelajaran dan juga perkara-perkara yang harus diperbaiki. Dari segi kekuatan pelajaran, semua guru bersetuju bahawa murid berasa seronok sejak langkah pengenalan pengajaran. Pengalaman ke taman haiwan yang diungkapkan oleh guru telah berjaya menarik minat murid. Murid mampu mengaitkan gambar-gambar yang digunakan di dalam slaid PowerPoint dengan pengetahuan sedia ada mereka. Guru juga telah menggunakan teknik menyoal dengan baik. Soalan-soalan yang diajukan kepada murid telah membantu mereka untuk mengikuti pengajaran tersebut. Apabila e-buku itu dimainkan kepada murid, murid amat tertarik dengan cerita itu dan telah memberikan sepenuh perhatian mereka.

Pelibatan murid amat aktif semasa membaca e-buku dengan guru. Mereka seronok membaca cerita dan gembira dapat menggunakan peranti iPad sebagai alat untuk membaca. Aktiviti-aktiviti dalam pengajaran telah diintegrasikan dengan baik. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa murid mendapati pelajaran tersebut menyeronokkan dan mereka ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang sumber buku e-buku yang lain.



Selain daripada kekuatan, terdapat juga perkara-perkara yang perlu diperbaiki. Murid HP didapati dapat melengkapkan tugas permainan bahasa yang terdapat dalam aplikasi itu dengan cepat kerana mereka dapat membaca cerita dengan lebih pantas berbanding dengan murid MP. Bagi memastikan semua murid terlibat dalam PdP, guru-guru harus memikirkan Pengajaran Pembezaan (*Differentiated Instructions*) bagi kajian pengajaran putaran yang kedua. Murid MP memerlukan lebih banyak bimbingan berbanding dengan murid HP. Murid HP akan mudah bosan jika aktiviti yang dijalankan itu terlalu mudah untuk mereka. Guru kemudian memberikan topeng watak dalam pengajaran membaca seterusnya. Langkah menambah keseronokan dalam membaca kerana murid terlibat dalam cerita.

KESIMPULAN


Setelah kajian pengajaran putaran kedua dijalankan, semua guru berbincang dan melakukan renungan. Para guru bersetuju bahawa kajian ini telah banyak membantu guru untuk PdP yang berkesan. Guru dapat menerapkan penggunaan ICT secara berkesan dalam PdP. Subjek kajian yang pada mulanya didapati tidak begitu berminat membaca, menunjukkan peningkatan minat untuk membaca setelah guru memperkenalkan e-buku dan penggunaan peranti iPad.

Strategi membaca yang pelbagai berjaya menerapkan rasa keseronokan dalam pembelajaran dalam kalangan murid. Penggunaan topeng watak-watak buaya dan Sang Kancil serta pelaksanaan pendekatan Pengajaran Pembezaan telah membuatkan suasana lebih sesuai dan seronok dalam PdP membaca.

Bagi usaha seterusnya, para guru bercadang untuk meluaskan penggunaan e-buku yang lain ada tahun 2018.

Guru-guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Kasimah Kassim
2. Sanisah Rahim
3. Hamidah Hamid



RUJUKAN

- Gandhi, Subash. (2001). E-Book-The future of reading And ultimate book. Journal of Educational Technology System 29(1):49-66.
- Larson, J. & Marsh, J. (2005). *Making literacy real: Theories and practices for learning and teaching*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Malloy, J., Marinak, B., & Gambrell L.B. (Eds.). (2010). *Essential readings on motivation*. Newark, DE: International Reading Association.
- Mohammed Ali Mohamed Iqbal (2013). *Penggunaan Buku-E: Penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid darjah 4*. Dipetik pada 12 Januari 2018 daripada <http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qq/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Perkongsian%20Profesional/MLCS-Final-99-120.pdf>
- Nor Zakiah Arif & Nurhani Idris. (2012). Penggunaan ICT bagi meningkatkan kemahiran membaca murid dalam Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan Abad ke-21, Prosiding Seminar Bahasa Melayu. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Kato Printing.

